



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

LALUAN COKLAT GOKL HUBUNG KAWASAN PERUMAHAN AWAM DENGAN LOKASI STRATEGIK

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Rapid Bus Sdn. Bhd. (Rapid) sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan bas percuma GOKL kepada pengguna bagi menggalakkan dan memperkasakan pengangkutan awam di samping mengurangkan kadar kesesakan lalu lintas di pusat bandar Kuala Lumpur. Selaras dengan Inisiatif Wilayah Prihatin yang bermatlamat untuk membantu golongan berpendapatan rendah (B40), laluan yang diwujudkan ini juga memudahkan warga kota ke stesen dan tempat kerja selain memberi akses kepada golongan B40 menggunakan kemudahan yang disediakan.

DBKL dengan kerjasama Rapid Bus Sdn. Bhd, membuka satu lagi laluan tambahan yang ke-9 bagi Bas GOKL yang dinamakan sebagai Laluan Coklat (*Chocolate Line*) untuk menghubungkan kawasan perumahan dengan stesen rel iaitu Seksyen 10 Wangsa Maju ke LRT Sri Rampai. Laluan Coklat sepanjang 14 kilometer ini bermula dari Seksyen 10 Wangsa Maju, melalui PPR Desa Rejang, Taman Tasik Sri Rampai, menghala stesen transit LRT Sri Rampai dan kawasan-kawasan sekitarnya termasuk Seksyen 4 Wangsa Maju. Laluan ini turut melibatkan PPR Desa Rejang dan Perumahan Awam (PA) Setapak Jaya 1A. Laluan ini juga menghubungkan pusat tumpuan orang ramai seperti Medan Selera D'Rejang, Masjid Abu Ubaidah, kawasan membeli belah AEON BIG dan Wangsa Walk. Dengan kekerapan bas setiap 15 minit, perkhidmatan ini dijangka dapat memberi manfaat kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Untuk rekod, pada tahun 2019, jumlah penumpang GOKL adalah seramai 19.7 juta orang penumpang, dengan purata seramai 55 ribu penumpang sehari atau 1.64 juta penumpang sebulan. Walau bagaimanapun, pada tahun 2020 terdapat sedikit penurunan, kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan oleh wabak COVID-19. Pada tahun 2020, jumlah penumpang GOKL yang direkodkan adalah seramai 9.7 juta penumpang, dengan purata 27 ribu penumpang sehari atau 814 ribu penumpang sebulan. Pada peringkat awal penyediaan perkhidmatan percuma Bas GOKL, lebih tertumpu kepada laluan

perkhidmatan di kawasan pusat bandar Kuala Lumpur untuk memudahkan pergerakan pengguna pengangkutan awam untuk perjalanan di dalam Pusat Bandar KL (CBD).

Laluan perkhidmatan Bas GOKL sedia ada terdiri daripada lapan (8) laluan iaitu :-

- i. Laluan Hijau atau Green Line, dari KLCC ke Bukit Bintang (Parlimen Bukit Bintang);
- ii. Laluan Ungu atau Purple Line, dari Pasar Seni ke Bukit Bintang (Parlimen Bukit Bintang);
- iii. Laluan Merah atau Red Line, dari Hab Titiwangsa ke KL Sentral (Parlimen Bukit Bintang & Lembah Pantai);
- iv. Laluan Biru atau Blue Line, dari Hab Titiwangsa – Bukit Bintang (Parlimen Bukit Bintang & Titiwangsa);
- v. Laluan Jingga atau Orange Line, dari Hab Titiwangsa ke MINDEF (Parlimen Titiwangsa);
- v. Laluan Merah Jambu atau Pink Line, dari Hab LRT Universiti ke PPR Seri Pantai (Parlimen Lembah Pantai);
- vii. Laluan Biru Firus atau Turquoise Line, dari LRT Kampung Dato' Keramat ke Flat Kelumpuk Mambu, Setiawangsa (Parlimen Setiawangsa & Titiwangsa)
- viii. Laluan Merah Manggis atau Maroon Line dari PPR Kg Batu Muda ke LRT Sentul (Parlimen Batu).

Kekerapan bas pada waktu puncak adalah setiap 5 minit dan pada luar waktu puncak adalah setiap 10 minit bagi 4 laluan last mile Green Line, Purple Line, Red Line dan Blue Line. Manakala bagi laluan *first mile* Orange Line, Pink Line, Turquoise Line dan Maroon Line pula kekerapan perkhidmatannya adalah setiap 15 minit.

DBKL turut menyediakan aplikasi mudah alih GOKL dan sedang menambahbaik aplikasi tersebut dengan membekalkan informasi perkhidmatan rel yang lain supaya ia lebih komprehensif. Dengan adanya kemudahan aplikasi mudah alih GOKL ini, warga kota Kuala Lumpur dapat menggunakannya untuk merancang perjalanan harian dengan lebih teratur. Aplikasi ini boleh dimuat turun oleh pengguna telefon Android menerusi Google Play manakala pengguna IOS menerusi Appstore.

Dengan adanya perkhidmatan bas percuma ini di laluan yang strategik, diharap dapat mengurangkan beban kehidupan warga kota Kuala Lumpur dan mengurangkan kesesakan trafik, memberi keselesaan, keselamatan dan merealisasikan bandar raya yang bebas karbon serta sihat didiami pada masa hadapan.

TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA
Menteri Wilayah Persekutuan
16 Februari 2021